

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation Menerajui Usaha Perniagaan Sosial Hijau

Bangi, 28 November 2022 – Dianugerahkan Hadiah Nobel Keamanan pada tahun 2006, Profesor Muhammad Yunus dijemput sebagai speaker dalam dialog ‘Green Social Business’ bersama pelbagai pemegang kepentingan anjuran Youth Trust Foundation (myHarapan) dan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC).

Beliau telah berkongsi pandangan dan cadangan terhadap trend dan perkembangan perniagaan sosial di Malaysia dan bagaimana ia dapat menangani isu perubahan iklim, degradasi alam sekitar dan penggunaan mampan khazanah alam semula jadi.

Profesor Yunus juga memberikan perincian akan peranan setiap golongan masyarakat terhadap permasalahan global khususnya mengenai pelepasan sifar karbon dengan menekankan tanggungjawab yang harus digalas oleh semua pihak, terutamanya syarikat korporat dan perniagaan sosial bagi mencari solusi untuk menjamin kualiti kehidupan generasi masa hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor, berkata, “Kepesatan pembangunan ekonomi haruslah mengutamakan sumber yang diperoleh daripada kepelbagaian biodiversiti bumi yang mana, telah menunjukkan tanda-tanda kemelesetan kualiti. Ini termasuklah isu perubahan iklim yang menyebabkan banjir dan sebagainya. MGTC komited dalam merealisasikan inisiatif yang menyokong pertumbuhan teknologi hijau, menambahkan bilangan perniagaan sosial dan mesra alam, serta pelan mitigasi perubahan iklim negara.”

Beliau menambah, “Program seperti Jana Graduan Usahawan Hijau (JaGUH) membantu kami mengenal pasti dan membimbing para usahawan sosial muda membangunkan penyelesaian lestari melalui pelbagai idea inovatif. Manakala program Bandar Rendah Karbon dan Rumah Ibadat Hijau pula adalah diantara inisiatif MGTC selaku agensi kerajaan yang menyediakan kemudahan dalam bentuk prasarana, perkhidmatan nasihat profesional dan pemberian insentif atau geran dalam usaha mengurangkan gas rumah kaca sebanyak 45 peratus sebelum 2030. Perkongsian daripada Profesor Yunus pastinya menjadi inspirasi untuk masyarakat muda memperhebatkan peranan mereka dalam menangani isu-isu alam sekitar, ekonomi atau sosial”.

Profesor Yunus turut menyaksikan pemeteraian persefahaman kerjasama (MoU) antara MGTC dan beberapa syarikat dan institusi untuk menangani isu kemiskinan, pengangguran dan pelepasan karbon bersih melalui perniagaan sosial lestari. Dijangka kerjasama ini dapat menjadi antara pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau negara.

Mengenai MGTC

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) adalah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) Mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) KDNK sebanyak 45% menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Perhubungan Media

Farisha Zainol

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat MGTC

farisha@mgtc.gov.my

Tel: +6019-3275456